

Complex FC muncul juara

LABUAN: Pasukan Complex FC muncul juara Karnival Bola Sepak Jemputan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2017.

Pada perlawanan akhir yang berlangsung di Padang Dataran Labuan, malam Rabu lalu menyaksikan Complex FC menewaskan LLPM FC (Labuan Liberty Port Management Sdn Bhd) 1-0.

Jaringan tunggal Gerald Sean Mojikon pada minit ke-26 sudah cukup buat Complex FC membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 dan piala.

Manakala LLPM FC selaku naib juara menerima RM1,000.

Tempat ketiga pula disandang Labuan Academy yang menewaskan UMSKAL untuk memenangi RM800.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan, Zamri Haji Mohamad Tuah yang mewakili Pengarah UMSKAL, Proffesor Madya Dr Murnizam Haji Halik.

“Complex FC berjaya menamatkan tahun 2017 dengan kejayaan yang membanggakan. Kami berharap lebih banyak kejayaan akan diraih pada musim 2018.”

SYAMSUL HAIRIE DATUK YUNUS

Pengurus pasukan Complex FC

► Karnival Bola Sepak Jemputan UMSKAL 2017



KETUA pasukan Complex FC (dua kanan) dan LLPM (dua kiri) bersama pengadil perlawanan akhir.

Turut hadir Pengarah Program, Asrul Mahmuddin.

Hujan yang turun sebaik sepak mula tidak melemahkan semangat kira-kira 500 penonton menyaksikan aksi mendebarkan yang

dipamerkan kedua-dua pasukan.

Pengurus pasukan Complex FC, Syamsul Hairie Datuk Yunus mengucapkan tahniah kepada anak buahnya yang berusaha gigih bukan sahaja untuk memburu kejuaraan



ZAMRI (lima kanan) menyampaikan hadiah kepada ketua pasukan Complex FC, Jukri Jullah sambil diperhati Asrul (tiga kanan) dan pemain Complex FC.

tetapi juga mengakhiri tahun 2017 dengan kemenangan bergaya.

“Complex FC berjaya menamatkan tahun 2017 dengan kejayaan yang membanggakan. Kami berharap lebih banyak kejayaan akan diraih pada musim 2018,”katanya.

Sementara itu, Ketua Jurulatih LLPM, Dul Alias menyifatkan pasukannya tidak bernasib baik walaupun mempunyai banyak peluang yang terhidang di kedua-dua babak permainan.

Sambil mahu memantapkan lagi pasukannya menghadapi Liberty Cup 2018, Dul Alias

yakin kombinasi antara pemain muda dan senior bakal memberikan cabaran kepada pasukan lain pada musim baharu tahun hadapan.

“Jutaan terima kasih juga kami ucapkan kepada Pengerusi Kelab Sukan & Rekreasi LLPM dan Pengurusan LLPM yang sentiasa menyokong pasukan bola sepak LLPM selama ini,”katanya.

Perlawanan akhir itu diadili Jemih Pian dengan bantuan Omar Sani dan Kunchang Mahlul.

Sementara itu, Asrul berkata sebanyak 20 pasukan tempatan menyertai Karnival Bola

Sepak Jemputan UMSKAL 2017 anjuran Kelab Bola Sepak UMSKAL sejak 17 November lalu.

Katanya, walaupun pertama kali diadakan, penganjur menerima penyertaan yang menggalakkan dan semua pasukan memberikan komitmen yang tinggi terhadap karnival tersebut.

Beliau tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan kepada Ketua Setiausaha Politik Ketua Menteri Sabah Datuk Haji Nizam Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kimanis,

Ahmad Firdaus Anifah yang turut memberikan sumbangan kewangan kepada penganjur.

“Terima kasih juga kami ucapkan kepada Perbadanan Labuan, Jabatan Belia dan Sukan Labuan serta pengurusan UMSKAL yang memberikan kerjasama padu dalam menjayakan kejohanan tersebut,”katanya.

Asrul juga yakin menerusi penganjur karnival itu, hubungan baik dapat dijalin antara pelajar dan komuniti setempat di Wilayah Persekutuan Labuan sambil meningkatkan mutu bola sepak tempatan.



ASRUL (duduk dua kanan) bersama AJK Penganjur Karnival Bola Sepak Jemputan UMSKAL 2017.



NAIB juara LLPM FC meraih RM1,000. Turut kelihatan Zamri (berdiri tiga kiri), Asrul (kanan) dan Dul Alias (kiri).